

Johan Pertandingan Tarian 1Malaysia UCF 2017 Milik INASIS SME Bank

Pusat Budaya dan Seni -PBS

Mon 09/10/2017 10:05 AM

To:UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>;



"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"

(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

09 OKTOBER 2017, ISNIN | 19 MUHARAM 1439H



HEP: Inapan Siswa (INASIS) SME Bank berjaya merangkul gelaran Johan Pertandingan Tarian 1Malaysia sempena UUM Cultural Festival (UCF) VII 2017 anjuran Pusat Budaya dan Seni (PBS) Universiti Utara Malaysia (UUM) semalam di Dataran Budaya.

Manakala Tempat Kedua disandang oleh INASIS TNB dan Tempat Ketiga disandang oleh INASIS Grantt. Mereka masing-masing berjaya membawa pulang hadiah piala iringan dan sijil.

Menurut Pengarah PBS Huzaidy Hussain, warisan budaya merupakan aspek penting kerana ia menunjukkan identiti sesuatu bangsa atau sesebuah negara. Budaya akan terus berkembang sekiranya didukung oleh masyarakat terutama generasi muda yang menjadi pewaris kepada budaya yang dibawa.

Justeru pertandingan ini telah mempamerkan kepelbagaian koreografi tarian dari pelbagai kaum dan bangsa yang seterusnya melambangkan keharmonian di Malaysia.

12 Inapan Siswa (INASIS) turut serta dalam pertandingan ini dan lebih 300 jawatankuasa pelaksana akan terlibat dalam menjayakan festival yang berprestij ini.

"Melalui pertandingan ini, rasa hormat-menghormati antara satu sama lain, sekali gus membentuk komuniti universiti yang kuat, bersatu padu dan hidup secara harmoni.

"Atas kesedaran itu, PBS mengambil inisiatif menganjurkan pertandingan ini yang turut bertujuan untuk memperkenalkan budaya rakyat Malaysia khususnya kepada masyarakat kampus dan pendedahan kepada pelajar antarabangsa terutama dari benua-benua selain Asia", katanya.

"Selain itu, dalam usia masih muda, inisiatif yang diambil pelajar untuk memperkenalkan seni tari dan budaya masing-masing adalah sesuatu yang amat membanggakan", katanya lagi.

"Melalui pertandingan ini, kita dapat melihat komitmen dan penglibatan pelbagai lapisan pelajar yang datang dari pelbagai kaum dan sekali gus menjadi pemangkin dalam konteks pengukuhan semangat perpaduan dan kekitaan dalam kalangan pelajar", tambahnya lagi.

Penganjuran pertandingan ini juga dapat mempromosi keharmonian, keamanan dan perpaduan yang dikecapi rakyat Malaysia meskipun hidup dalam pelbagai budaya dan agama," ujarnya.

Program ini merupakan satu lagi inisiatif dalam usaha merapatkan hubungan muhibah dan menjalinkan kemesraan di samping merakyatkan aktiviti seni budaya kepada komuniti kampus.

Apa yang lebih penting ia mampu mengajak semua kelompok masyarakat dan peserta untuk sama-sama menghargai seni budaya tradisi di samping memupuk jati diri dan semangat mencintai seni dan budaya yang mengukuhkan persaudaraan dan hubungan muhibah masyarakat pelbagai kaum di Malaysia.

Acara sebegini mampu memberi makna besar dalam perkembangan seni persembahan khususnya untuk mahasiswa memandangkan seni tarian 1Malaysia telah mendapat penerimaan masyarakat pelbagai kaum sebagai tarian sosial yang popular, unik dan menjadi medium perpaduan.

Pertandingan ini boleh memberi persepsi dan jati diri kepada masyarakat agar lebih menghargai seni budaya sendiri berbanding seni persembahan dari barat.

Usaha ini selari dengan falsafah dan fokus asas universiti dalam aktiviti kebudayaan dan kesenian dalam melahirkan masyarakat Malaysia yang berbudaya serta berteraskan gagasan 1Malaysia.

Malah program begini berupaya membuka minda masyarakat Malaysia dan memberi anjakan paradigma dalam lanskap sosial negara ini.

Daripada:

PUSAT BUDAYA DAN SENI
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-928 4215
FAKS : 04-928 4222
EMAIL : pbs@uum.edu.my
WEB : <http://pbs.uum.edu.my>



Save a tree.

Please don't print this e-mail unless it's necessary.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.